

03/05/2002

Permit Perdana Sari digantung tiga bulan

KUALA LUMPUR, Khamis - Kementerian Dalam Negeri (KDN) menggantung permit penerbitan akhbar tabloid mingguan, Perdana Sari, milik penulis kontroversi Khalid Jafri, selama tiga bulan berkuat kuasa mulai hari ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata tindakan itu diambil setelah KDN mendapati akhbar berkenaan yang mula diterbitkan 31 Mac lalu, melanggar Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 pindaan 1997.

"Saya sudah dimaklumkan oleh KDN setelah mereka membuat analisa mengenai laporan-laporan, cara pemberitaan dan segala-galanya yang berkaitan dengan tabloid itu dan (laporan) dikemukakan kepada saya.

"Saya sudah memberi persetujuan pagi ini supaya majalah ini digantung lesennya untuk tiga bulan," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pengurusan Umno di sini, hari ini.

KDN dalam satu kenyataan petang ini pula berkata, pergantungan permit selama tiga bulan itu bermula hari ini sehingga 1 Ogos depan dan keputusan itu dibuat setelah mempertimbangkan hasil kajian kementerian itu.

"Akhbar tabloid itu didapati melakukan kesalahan berdasarkan aliran pemberitaan dan pemaparan rencana dan gambar yang jelas melanggar Garis Panduan kementerian dan syarat-syarat permit, iaitu menggemparkan fikiran orang ramai dan memudaratkan moral," kata kenyataan yang ditandatangani Setiausaha Bahagian C KDN, Mohd Abdul Halim Muhammad.

Perdana Sari diterbitkan syarikat Kingdom Journal Sdn Bhd mulai 31 Mac lalu dengan nombor permit KDN PP12375/2/2003.

Bagaimanapun, beberapa laporannya mencetuskan kontroversi termasuk berhubung dakwaan Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman menjalin hubungan lesbian dengan isteri orang dan terbaru akhbar itu menyiarkan berita bertajuk Seks di Kampus berserta gambar wanita bertudung mengadakan seks dengan seorang pemuda.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika diminta mengulas mengenai isu Azalina berkata orang yang membuat dakwaan seperti itu tidak layak sama sekali untuk diberi lesen bagi mengeluarkan akhbar.

Perdana Menteri yang menyatakan bahawa Azalina tidak perlu menyaman tabloid itu berkata laporan seumpama itu ada muslihat politik untuk menjatuhkan Ketua Penaja Puteri Umno.

Ditanya bila KDN meluluskan permit untuk Perdana Sari, Abdullah berkata ia sudah lama diluluskan dan ketika permohonan dibuat, KDN percaya ia tidak melanggar peraturan.

"Masa nak minta lesen itu, mock-up apa semua tak ada. Jadi kita minta, oklah, bolehlah (lulus). Tetapi kalau dah melanggar peraturan, kita kata tak bolehlah, tutup (gantung lesen).

"Kita fikir dia akan dapat mengeluarkan majalah yang baik. Apabila ada masalah dan melanggar peraturan... peraturan akta percetakan, maka keputusannya ialah lesen digantung," katanya.

Sehubungan itu, beliau memberi amaran kepada percetakan lain bahawa KDN akan mengambil tindakan yang sama jika melanggar peraturan akta mesin cetak.

(END)